

Headline	<b>Insentif RM500j bantu petani, penternak, nelayan</b>		
Date	<b>09. Jun 2008</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Page No	<b>25</b>
Section	<b>Dalam Negeri</b>	Article Size	<b>236 cm<sup>2</sup></b>
Circulation	<b>238082</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>833287</b>	Color	<b>Full Color</b>



# Insentif RM500j bantu petani, penternak, nelayan

Oleh RAHANA MOHD. DAHARI

**JELI** 8 Jun – Kerajaan akan menambah peruntukan sebanyak RM500 juta pada akhir bulan ini untuk membantu golongan petani, penternak dan nelayan ekoran kenaikan pelbagai kos termasuk bahan bakar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed berkata, bantuan berupa insentif tunai itu akan di agihkan kepada golongan tersebut selepas mereka mendaftar dengan Jabatan Pertanian di daerah masing-masing.

Beliau berkata, bantuan tersebut merupakan langkah meringankan beban rakyat terutama golongan rendah dan pertengahan berikutan kenaikan pelbagai kos sara hidup termasuk pertanian sejak kebelakangan ini.

Kerajaan memahami kenaikan input pertanian yang membebankan golongan petani, penternak dan nelayan, lantaran itu kita telah membuat

melalui bantuan tersebut, kerajaan akan menampung 20 hingga 30 peratus daripada kos pengeluaran terutama di kaiangan pengusaha tanaman, penternak dan akuakultur

keputusan dan bersetuju menampung sebahagian kenaikan kos pengeluaran tersebut.

"Insentif dalam bentuk tunai tersebut akan mula diagihkan apabila peruntukan sebanyak RM500 juta diterima pada akhir bulan ini kepada golongan berkenaan yang mendaftar dengan Jabatan Pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran Pusat Urusan Sehenti Perkhidmatan dan Informasi Agro Tani (Puspa Tani) Parlimen Jeli dan Hari Terbuka bersama Pakar Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) di Kom-

pleks Rehat & Rawat Jeli di sini hari ini.

Turut serta Pengarah Pertanian Negeri, Maliha Ghazali, Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Pengarah Pusat Pengembangan Keusahawanan dan Kemajuan Profesional UPM merangkap Pengurus Jawatankuasa Pengangsur, Dr. Azimi Hamzah.

Mustapa berkata, melalui bantuan tersebut, kerajaan akan menampung 20 hingga 30 peratus daripada kos pengeluaran terutama di kalangan pengusaha tanaman, penternakan dan akuakultur.

Katanya, bantuan tersebut adalah ga-

**MUSTAPA MOHAMED**  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

lakan kepada golongan tersebut supaya meneruskan aktiviti pertanian dan membantu usaha kerajaan untuk menambah pengeluaran makanan negara.

"Melalui program menambah pengeluaran makanan, kerajaan mengenal pasti untuk meningkatkan penanaman padi negara yang dijadual akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kampung Perangkap, Pasir Mas minggu hadapan.

"Langkah tersebut sebagai insentif menambah pengeluaran padi yang melibatkan bantuan baja, racun perosak, menyelenggara tali air, meratakan tanah dan kapur di bawah pengendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Kembubu (KADA)," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, Puspa Tani yang didirikan di Parlimen Jeli merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini dan berfungsi sebagai pusat penyaluran maklumat agensi kerajaan berkaitan pertanian dan penternakan.